

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

1. Nyatakan jumlah masjid dan surau yang telah dinaik taraf dari tahun 2023 serta jumlah peruntukan yang disalurkan mengikut daerah.
 - (a) Berapa banyak daripada projek ini telah siap sepenuhnya dan berapa yang masih dalam proses?
 - (b) Apakah bentuk pemantauan yang dijalankan untuk memastikan kerja naik taraf memenuhi spesifikasi?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecil dan menaik taraf masjid dan surau seperti perincian di bawah:

DAERAH	TAHUN 2023		TAHUN 2024	
	PERUNTUKAN (RM)	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	PROJEK
DTL	1,572,867.91	14	2,075,350.76	7
SPT	368,766.38	7	701,596.70	5
SPU	1,580,239.78	12	2,081,915.71	9
SPS	795,794.97	9	692,836.15	8
DBD	424,590.00	2	196,889.55	3
JUMLAH	4,742,259.04	44	5,748,588.87	32

DAERAH	TAHUN 2025	
	PERUNTUKAN (RM)	PROJEK
DTL	224,420.48	4
SPT	974,266.42	3
SPU	1,368,931.48	4
SPS	483,154.00	4
DBD	532,664.77	4
JUMLAH	3,583,437.15	19

- (a) Kesemua projek tahun 2023 dan 2024 telah siap sepenuhnya manakala bagi projek tahun 2025, terdapat projek yang telah siap dan dalam pelaksanaan yang akan siap pada tahun semasa manakala tiga (3) projek yang merupakan projek sambungan iaitu kerja-kerja menaik taraf Masjid Jamek Alma Jaya, Masjid Jamek Tuan Samad Permatang Sungai Dua dan Masjid Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) akan disiapkan pada tahun 2026.
- (b) JHEAIPP melalui Unit Pembangunan akan membuat lawatan tapak bagi memantau pelaksanaan kerja di tapak dan memastikan kerja-kerja di tapak mematuhi speksifikasi kerja yang telah ditetapkan di dalam *Bill Of Quantity* (BQ).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

2. Apakah dasar Kerajaan Negeri melarang hidangan arak pada semua program rasmi melibatkan kerajaan, agensi dan PBT?
 - (a) Nyatakan SOP pelaksanaan dan sebarang pengecualian.
 - (b) Terangkan mekanisme penguatkuasaan serta tindakan terhadap penganjur / pegawai yang melanggar.
 - (c) Apakah perlindungan ke atas penjawat awam / petugas Muslim pada acara pihak ketiga yang menghidangkan arak?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. (a) SOP pelaksanaan adalah seperti Pekeliling Perbendaharaan WP 5.1 - PERATURAN MENGENAI KERAJIAN RASMI di Perkara 5.1.4 yang menyatakan bahawa "hidangan minuman keras adalah tidak dibenarkan;". Setiap program rasmi melibatkan kerajaan, agensi dan PBT wajib memastikan tiada arak dihidangkan atau dipamerkan dalam sebarang program rasmi kerajaan serta tiada sebarang pengecualian yang diberikan.
- (b) Mekanisme penguatkuasaan adalah dengan memastikan setiap acara rasmi perlu dipantau agar patuh kepada Pekeliling Perbendaharaan WP 5.1 - PERATURAN MENGENAI KERAJIAN RASMI. Sekiranya berlaku pelanggaran penganjur / pegawai akan dikenakan tindakan berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

- (c) Kerajaan Negeri sentiasa memastikan bahawa penjawat awam Muslim akan terus dilindungi dan dibimbing dalam melaksanakan tugas rasmi tanpa menjejaskan pegangan agama, dan setiap agensi disaran mengamalkan kepekaan budaya dan agama dalam setiap urusan rasmi yang melibatkan pihak ketiga.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

3. Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap penglibatan orang Islam dalam perayaan keagamaan bukan Islam selaras fatwa negeri seperti pesta ponggal dan tanglung?
- (a) Nyatakan garis panduan bertulis untuk PBT, sekolah dan agensi.
 - (b) Apakah pelan komunikasi kerajaan mengenai pematuhan fatwa kepada penganjur, sekolah, PBT dan komuniti?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Pendirian Kerajaan Negeri adalah selari dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2019 yang bersidang pada 21 dan 22 Ogos 2019 iaitu seperti berikut:
- (i) Hukum menziarahi rumah terbuka orang bukan Islam sempena perayaan agama mereka adalah harus dengan mengambil kira kriteria-kriteria berikut:
 - (a) Majlis tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam seperti menyertakan dan melibatkan simbol-simbol agama, berhala dan sebagainya;
 - (b) Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bertentangan dengan syarak seperti memakai pakaian berwarna tertentu dengan kepercayaan

tertentu yang melambangkan kepercayaan terhadap agama tertentu selain Islam;

- (c) Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam di negara ini seperti percampuran bebas tanpa batas dan adab sopan;
 - (d) Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh menyentuh sensitiviti masyarakat Islam seperti ucapan-ucapan atau nyanyian berbentuk dakyah keagamaan bukan Islam dan ucapan-ucapan yang menghina umat Islam; dan
 - (e) Majlis tersebut tidak disediakan dengan makanan-makanan yang haram seperti arak, babi dan sebagainya.
- (ii) Hukum terlibat dalam persiapan perayaan orang bukan Islam yang berkaitan dengan agama mereka adalah diharamkan di sisi syarak dan pandangan para ulama mazhab. Namun, membantu mereka dalam perayaan kebudayaan memerlukan pemerhatian yang lebih terperinci. Ini kerana seseorang Muslim perlu mengenal pasti sejauh mana perayaan kebudayaan itu mempunyai unsur-unsur kepercayaan yang bercanggah dengan ajaran Islam. Jika unsur-unsur kepercayaan tersebut mendominasi, maka seharusnya orang Islam hendaklah menjauhi tindakan membantu dan menjayakan persiapan perayaan tersebut. Namun, jika perayaan tersebut adalah semata-mata berbentuk kebudayaan, maka penyertaan bersama orang bukan Islam tersebut adalah harus.
- (iii) Hukum orang Islam mengenakan pakaian untuk sambutan sesuatu perayaan bukan Islam adalah seperti berikut:
- (a) Tidak boleh malah hukumnya haram memakai pakaian yang khusus bagi sesuatu kaum tertentu jika mempunyai kaitan yang rapat dengan kepercayaan keagamaan mereka dan juga mendedahkan aurat seperti kostum atau topi Santa Clause, pakaian paderi, pakaian sami, lambang salib dan sebagainya;

- (b) Bagi pakaian yang menjadi adat kaum lain yang tiada kaitan dengan ajaran agama mereka secara khusus seperti sari, kurta, samfoo, cheongsam dan sebagainya secara asasnya adalah harus selagi mana tidak terdapat unsur membesarkan agama orang bukan Islam dan memelihara aurat. Namun sebaiknya orang Islam mengelakkan diri daripada memakai pakaian tersebut pada hari perayaan orang bukan Islam atas dasar *sadd al-zari'ah* iaitu menutup sebarang peluang berlakunya *tasyabbuh* yang dilarang; dan
 - (c) Pakaian yang sudah menjadi kebiasaan umum seperti tali leher dan kot, maka tidak menjadi isu bagi Muslim untuk memakainya pada perayaan orang bukan Islam selagi mana tidak menzahirkan pembesaran kepada agama mereka.
- (a) Secara dasarnya semua garis panduan mengenai penglibatan orang Islam dalam perayaan bukan Islam telah disebarkan dan wajib dipatuhi oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi di Pulau Pinang. Hal ini kerana keputusan fatwa negeri adalah dasar yang dikategorikan sebagai hukum syarak yang berkuat kuasa di Negeri Pulau Pinang setelah diwartakan.
 - (b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah agensi negeri telah menggunakan pelbagai medium sebaran kepada umum agar sesuatu fatwa/hukum itu difahami dan diamalkan antaranya melalui Program Irsyad Fatwa, Khubah Jumaat, Program Khas di radio mutiara.fm iaitu rancangan Merungkai Fatwa Menjejak Falak dan melalui media sosial seperti *facebook* dan *tiktok*.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

4. Nyatakan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang terkini.
- (a) Senaraikan fatwa yang diwartakan dari tahun 2023 sehingga kini.
 - (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menyelaraskan panduan Mufti untuk acara majmuk agar tidak bercanggah fatwa?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Senarai Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang terkini adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Maklumat AJK Fatwa Negeri Pulau Pinang juga boleh dirujuk di Portal Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang seperti di laman sesawang berikut: <https://mufti.penang.gov.my/index.php/kerajaan/keurusetiaan/jk-fatwa-negeri-pulau-pinang>
- (a) Fatwa yang diwartakan dari Tahun 2023 sehingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
 - (b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP) sentiasa menyelaraskan panduan Mufti untuk acara majmuk agar tidak bercanggah fatwa melalui penglibatan Sahibus Samahah Mufti atau wakil dalam memberi pandangan syarak bagi mesyuarat pelaksanaan program-program di Negeri Pulau Pinang untuk memastikan sesuatu program dengan keterlibatan pimpinan dalam kalangan

orang Islam atau masyarakat Islam di Negeri Pulau Pinang
adalah tidak melanggar batas syarak/fatwa.

**SENARAI NAMA
 AHLI JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG
 SESI 2024/2025
 (Januari 2024 – Disember 2025)**

BIL.	NAMA	JAWATAN	GREJ JAWATAN
1.	SS. Dato' Dr Prof Madya Mohd Sukki bin Othman (Ph.D UM)	Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang / Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang	JUSA C
2.	Tuan Haji Mohammad Zamri bin Shapik (Sarjana UM)	Timbalan Mufti	S54
3.	Prof . Dr Irwan Bin Mohd Subri (Ph.D UIAM)	Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia	JUSA C
4.	Dr Mohammad Zaini bin Yahya Ph.D (UIAM)	Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia	DS 52
5.	Dato' Professor Dr Noor Inayah Binti Yaakub (Ph.D Uni. Manchester UK)	Ketua Pegawai Eksekutif dan Naib Canselor University College MAIWP International (UCMI)	JUSAA
6.	Prof Madya Dr. Ibrahim Bin Hasyim (Ph.D Uni Dundee UK)	Pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris	DS 54
7.	Prof Madya Abdul Aziz Mat Isa (Ph.D Uni. Lampeter UK)	Timbalan Naib Canselor (HEP) UNITEN	DS 54
8.	Dr Muhammad Najib Bin Abdullah (Ph.D UIAM)	Pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia	DS 52
9	Tuan Haji Mohd Salmi bin Shaimi (Diploma Bahasa Arab, Sarjana Muda Syariah Univ. Islam Madinah)	Pakar Rujuk Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang	S44
10	Datuk Haji Munir bin Hj Md Salleh	Pegawai Istana Negara/ Ahli MAINPP	Jusa C
11	Dato' Haji Makhtar bin Haji Shapee	Ahli MAINPP	Pesara

12	Haji Roslan bin Esa (Sarjana Muda Univ. Malaya, Sarjana Pengurusan Awam Univ. Utara Malaysia, Sijil Darul Ifta' Rep. Arab Mesir)	Ketua Penolong Mufti/ Setiausaha	S48
----	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-------------------------------------	-----

LAMPIRAN B**SENARAI FATWA YANG DIWARTAKAN DARI TAHUN 2023
SEHINGGA KINI**

HIMPUNAN FATWA YANG TELAH DIWARTAKAN BAGI TAHUN 2023-2025		
BIL.	PERKARA	TARIKH WARTA
1.	Fatwa Mengenai Pembahagian Pulangan Manfaat Bagi Pelaksanaan Projek Pembangunan Usaha Sama Tanah Milik MAINPP Di Atas Dua (2) Lot Tanah iaitu Lot 60, Mukim 11, Bayan Lepas, Daerah Barat Daya (DBD) Dan Lot 496, Mukim 14, Bagan Lalang, Seberang Perai Utara (SPU), Pulau Pinang	16 Mac 2023
2.	Fatwa Mengenai Hukum Tajaan Menunaikan Ibadah Haji dan Umrah dengan Menggunakan Sumber Zakat	2 Jan 2025
3.	Fatwa Mengenai Hukum Kewajipan Membayar Zakat oleh Pemegang Saham yang Mempunyai Kepentingan dan Mendapat Ganjaran daripada Syarikat	
4.	Fatwa Mengenai Hukum Zakat ke atas Emas yang Digadaikan di Syarikat Pajak Gadai	
5.	Fatwa Mengenai Kewajipan Membayar Zakat Emas bagi Pelaburan Emas	
6.	Fatwa Mengenai Hukum Penetapan Baki Terendah Zakat Wang Simpanan	

7.	Fatwa Mengenai Hukum Membina atau Membaik Pulih Masjid dengan Dana Wang Wakalah Zakat, Zakat Pulau Pinang di Bawah <i>Asnaf Fi Sabilillah</i>	
8.	Fatwa Mengenai Hukum Pembayaran Zakat bgai Perdagangan Pertukaran Mata Wang Asing (FOREX)	
9.	Fatwa Mengenai Hukum Berkenaan Skim Geran Penyelidikan Zakat Menggunakan Wakalah Agihan Zakat Institusi Pengajian Tinggi (IPT)	
10.	Fatwa Mengenai Ketetapan Waktu Pengeluaran Zakat Tanaman atau Padi di Negeri Pulau Pinang	
11.	Fatwa Mengenai Fahaman, Ajaran, Pegangan atau Amalan Global Ikhwan Services and Business Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) dan Rangkaiannya	15 Julai 2025
12.	Fatwa Mengenai Ajaran Millah Abraham @ Ibrahim yang Menyalahi Akidah Ahli Sunnah Waljamaah di Negeri Pulau Pinang	
13.	Fatwa Mengenai Penyelewengan Ajaran dan Fahaman yang Dibawa oleh Suhaini bin Mohammad (Sohai Ibnu Muhammad, Sihulk)	
14.	Fatwa Mengenai Hukum Amalan Toast dalam Majlis Makan Beradat Angkatan Tentera Malaysia	

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

5. Bilakah tarikh operasi pembukaan tanah perkuburan Masjid Jelutong kepada qaryah?
- (a) Nyatakan garis masa lengkap Fasa 2 (perolehan, pembinaan, siap guna).
 - (b) Kemuka halangan kritikal dan tarikh sasaran pembukaan.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan kerja-kerja tanah dan pembinaan dinding penahan (retaining wall) di tanah perkuburan Masjid Jamek Jelutong.
- (a) Pihak MAINPP masih dalam proses penelitian dan kajian semula untuk diangkat dan dipertimbang dalam Mesyuarat MAINPP bagi mendapatkan kelulusan pindaan dari kaedah pelaksanaan konsep liang konkrit bertingkat kepada konsep tambakan tanah bertingkat bagi membolehkan penggunaan tanah kubur ini beroperasi dalam masa terdekat.

Proses penelitian dan kajian semula perubahan kaedah pelaksanaan ini dijangka akan dimuktamadkan sebelum akhir tahun 2025 dan proses perolehan akan dilaksanakan dalam suku pertama (1) tahun 2026. Manakala fasa pembinaan dijangka bermula pada suku kedua (2) hingga

ketiga (3) tahun 2026 dan jangkaan siap untuk digunakan pada suku keempat (4) tahun 2026 atau awal tahun 2027.

- (b) Antara kekangan utama yang menyebabkan keperluan penelitian dan kajian semula ini adalah disebabkan oleh isu muka bumi yang agak rendah berbanding kawasan komersial bersebelahan, keperluan penyediaan infrastruktur asas seperti longkang, jalan asas dan stor penyimpanan serta kekangan peruntukan yang dijangka menelan belanja sebanyak RM3,500,000.00 kepada MAINPP (wang tawaaqquf) berdasarkan anggaran kos pada tahun 2022.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

6. Berapa pemeriksaan, tangkapan, pendakwaan dan sabitan atas kesalahan mengajar tanpa tauliah di bawah Seksyen 119 Enakmen 2004, dari tahun 2023 sehingga kini?
- (a) Nyatakan denda / hukuman yang dikenakan.
 - (b) Senaraikan bilangan siasatan, tangkapan, pertuduhan dan sabitan berkaitan penyebaran ajaran sesat.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Berdasarkan data pemeriksaan, tangkapan, pendakwaan dan sabitan Seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 dari tahun 2023 hingga 29 Oktober 2025. Jumlah aduan dan tindakan adalah seperti berikut :

TAHUN	PEMERIKSAAN	TANGKAPAN	PENDAKWAAN	SABITAN
2023	11	0	0	0
2024	14	1	0	0
2025	7	0	0	0

- (a) Denda / Hukuman boleh dikenakan dibawah mana-mana Enakmen Seksyen 119, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang 2004 (EPAI 2004) atau Seksyen 11 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang 1996 (EKJSNPP 1996) iaitu tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya.

- (b) Bilangan siasatan, tangkapan, pertuduhan dan sabitan berkaitan penyebaran ajaran sesat bagi tahun 2025 adalah seperti berikut:

SABITAN	PEMERIKSAAN	TANGKAPAN	PENDAKWAAN
Sek. 3 (Pemujaan Salah)	1	0	0
Sek. 4 (Mengajar @ Menjelaskan Doktrin / Upacara / Perbuatan Menyalahi Syarak)	5	0	0
Sek. 5 (Mengembangkan Doktrin)	1	0	0
Sek. 6 (Dakwaan Palsu) - Isytihar Nabi, Imam Mahdi, Wali & Dakwa Mengetahui Peristiwa di Luar Pemahaman Manusia	0	0	0

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

7. Nyatakan senarai masjid tanpa anak kariah di Pulau Pinang mengikut daerah.
- (a) Nyatakan kebenaran solat Jumaat bagi masjid-masjid ini.
- (b) Apakah usaha kerajaan dalam meramaikan kembali kariah bagi masjid-masjid ini?
- (c) Senaraikan masjid-masjid lain yang kemungkinan akan tiada anak kariah seperti Masjid Batu Uban.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Senarai masjid tanpa anak kariah di Pulau Pinang mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	MASJID	DAERAH
1	Masjid Lama Jamek Lorong Burma (Masjid Kelawai Lama)	Timur Laut
2	Masjid Nagore Shariff	Timur Laut
3	Masjid Pintal Tali	Timur Laut
4	Masjid Pakistan	Timur Laut
5	Masjid Maqbul, Sg Pinang	Timur Laut
6	Masjid Kg Jawa Baru	Timur Laut
7	Masjid Khan Mohammad	Timur Laut
8	Masjid Tarik Air	Timur Laut

9	Masjid Tengah, Lorong Burma	Timur Laut
10	Masjid Arab, Jalan Seang Teik	Timur Laut
11	Masjid Tanjung Huma	Timur Laut
12	Masjid Jalan York	Timur Laut
13	Masjid Khairi, Pahang Road	Timur Laut
14	Masjid Wan Chik Arifin	Timur Laut
15	Masjid Halaman Indah	Seberang Perai Selatan
16	Masjid As-Salam	Seberang Perai Tengah
17	Masjid Annahrain, Sungai Dua Utama	Seberang Perai Utara

- (a) Proses kebenaran masjid tanpa kariah melaksanakan solat Jumaat adalah tertakluk kepada peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) serta Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Permohonan bagi sesuatu masjid tanpa kariah untuk melaksanakan solat Jumaat hendaklah dikemukakan oleh pihak Jawatankuasa Kariah kepada Pejabat Agama Daerah (PAD). Pihak PAD akan menjalankan siasatan terperinci meliputi faktor keperluan penduduk, bilangan jemaah, jarak dengan masjid sedia ada, kemudahan fizikal serta kemampuan surau menampung pelaksanaan solat Jumaat.

Hasil siasatan tersebut akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi mendapatkan pandangan hukum sebelum mendapat pertimbangan dan kelulusan MAINPP.

Tujuan utama proses ini adalah bagi memastikan pelaksanaan solat Jumaat di sesuatu kawasan berjalan secara teratur, menepati hukum syarak, tidak menjejaskan fungsi masjid sedia ada, serta mampu memelihara perpaduan dan keharmonian masyarakat Islam di kariah berkenaan.

- (b) Masjid-masjid ini sememangnya telah diimarahkan dengan pelbagai program keagamaan dan kemasyarakatan. Selain itu, masjid-masjid ini juga terus mendirikan solat Jumaat

seperti biasa. Usaha untuk meramaikan semula jemaah serta menghidupkan aktiviti kariah sentiasa dijalankan secara berterusan oleh pihak jawatankuasa masjid dengan sokongan Kerajaan Negeri dan JHEAIPP.

- (c) Pentadbiran ini berpandangan bahawa Masjid Jamek Batu Uban masih relevan dan kekal berfungsi sebagai masjid kariah pada masa kini. Walaupun sebahagian rumah kampung di kawasan Batu Uban telah diarah berpindah, namun berdasarkan persempadanan peta kariah Masjid Jamek Batu Uban, masih terdapat kawasan perumahan kos rendah yang didiami oleh majoriti umat Islam, serta kawasan perumahan kos sederhana dan tinggi di sekitar masjid tersebut.

Kehadiran komuniti Muslim yang masih menetap di kawasan berhampiran menunjukkan bahawa Masjid Jamek Batu Uban masih mempunyai potensi untuk terus berfungsi sebagai pusat ibadah dan aktiviti kariah bagi masyarakat setempat.

Isu kekurangan anak kariah ini lazimnya merujuk kepada masjid-masjid yang terletak di kawasan bandar serta masjid yang kedudukannya jauh daripada kawasan perumahan dan penduduk tetap atau kawasan tersebut hanyalah sebagai pusat perindustrian/pelancongan. Faktor utama yang menyumbang kepada keadaan ini ialah pembangunan pesat di kawasan bandar, pemindahan penduduk asal, serta perubahan guna tanah yang menyebabkan jumlah penduduk Islam menetap di sekitar masjid semakin berkurangan.

Masjid yang berpotensi seperti yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- i. Masjid Jamek Alimsah Waley (Daerah Timur Laut);
dan
- ii. Masjid Jamek Bagan Jermal (Daerah Timur Laut).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

8. Senaraikan masjid-masjid yang telah berusia yang sesuai atau telah disenaraikan sebagai warisan di Pulau Pinang.
- (a) Apakah pelan penyelenggaraan untuk masjid berusia ini?
 - (b) Nyatakan peruntukan pemuliharaan warisan dan audit keselamatan struktur.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Senarai masjid yang digazetkan sebagai bangunan warisan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Pelan penyelenggaraan adalah memastikan masjid-masjid tersebut mengekalkan nilai sejarah, elemen seni bina, warisan budaya dan perlindungan berterusan agar ianya berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Kaedah penyelenggaraan perlu merujuk kepada Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan dan Tapak dalam Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.
 - (b) Kerajaan Negeri melalui George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) telah melaksanakan Insentif Pembaikan Bangunan Warisan Kategori I & II dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town untuk membantu pemilik bangunan menjalankan kerja-kerja pembaikan pada

bangunan mereka termasuklah masjid warisan. Peruntukan diberikan berdasarkan jadual berikut:

No.	Nama Masjid	Peruntukan (RM)
1.	Masjid Kapitan Keling	400,000.00
2.	Masjid Melayu Lebu Acheh	404,343.20
3.	Masjid Alisah Waley	142,000.00
4.	Masjid Jamek Benggali	182,190.00
5.	Masjid Jamek Perangin	17,700.00
6.	Masjid Titi Papan	27,150.00
7.	Masjid Pintal Tali	Tiada permohonan dikemukakan mengikut masa yang ditetapkan iaitu sehingga 8 Mac 2024
Jumlah		1,173,383.20

LAMPIRAN A

BIL.	NAMA MASJID	TAHUN DIBINA
1.	Masjid Kapitan Keling, Jalan Masjid Kapitan Keling (Bangunan warisan Kategori I)	1801
2.	Masjid Melayu Lebuh Aceh, Lebu Aceh (Bangunan warisan Kategori I)	1808
3.	Masjid Jamek Alimsah Waley, Lebu Chulia (Bangunan warisan Kategori I)	1811
4.	Masjid Pintal Tali, Jalan Pintal Tali (Bangunan warisan Kategori II)	1820
5.	Masjid Jamek Titi Papan, Jalan Burma (Bangunan warisan Kategori II)	1841
6.	Masjid Jamek Benggali, Lebu Leith (Bangunan warisan Kategori I)	1845
7.	Masjid Jamek Perangin, Jalan Dr. Lim Chwee Leong (Bangunan warisan Kategori II)	1890

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

9. Sejauh manakah keberkesanan Rancangan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) setakat ini?
- (a) Apakah projek pengangkutan baharu yang sedang dirancang untuk jangka pendek dan panjang?
 - (b) Bagaimana kerajaan memastikan projek ini dilaksanakan tanpa membebankan kewangan negeri dan rakyat?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Keberkesanan PTMP setakat ini diukur bukan sahaja berdasarkan kemajuan pembinaan, tetapi juga kejayaan dalam mendapatkan sokongan politik dan kewangan yang diperlukan untuk memulakan projek-projek yang telah lama tertangguh seperti berikut:
- (i.) LRT Laluan Mutiara kini telah diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan dan MRT Corporation, sebuah syarikat milik *Minister of Finance Incorporated* sebagai agensi pelaksana, dan satu Notis untuk Meneruskan Kerja (NTP) telah diberikan kepada kontraktor pelaksana, SRS Consortium Sdn Bhd (SRS) pada Julai 2025, menandakan permulaan rasmi tempoh pembinaan di bawah kontrak *Civil Main Contractor 1 (CMC1)* untuk pembinaan Fasa 1 Laluan Mutiara iaitu daripada Komtar ke *Silicon Island* dengan jangkaan pengoperasian pada tahun 2031;

- (ii.) Pembinaan PIL2A yang menghubungkan Batu Maung dengan *Silicon Island* kini di fasa pembinaan dengan kemajuan kerja sebanyak 12.11%;
- (iii.) Jalan Pintasan Ayer Itam – Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu (juga dikenali sebagai Pakej 2 dalam projek jalan-jalan utama dan laluan ke-3) kini dalam fasa pembinaan dengan kemajuan kerja sebanyak 87.52% setakat Oktober 2025 dan dijangka dibuka sepenuhnya menjelang 2027. Projek ini adalah bukti nyata komitmen Kerajaan Negeri dalam menyediakan infrastruktur jalan raya yang kritikal untuk mengurangkan kesesakan; dan
- (iv.) Selain itu, sebagai penyelesaian jangka pendek Kerajaan Negeri komited untuk melaksanakan intervensi pengangkutan jangka pendek dan sederhana seperti penambahbaikan perkhidmatan bas dan pengurusan trafik pintar secara selari, bagi memberi kelegaan segera kepada pengguna sementara menunggu projek utama rel dan jalan raya disiapkan.

PTMP menggariskan perkara-perkara strategik yang perlu dikaji dan diperincikan mengikut fasa pelaksanaan yang akan ditentukan kelak. Kajian tersebut akan mengambil kira perubahan semasa dari segi keperluan dan juga teknologi terkini sewaktu tempoh pelaksanaan nanti. Justeru, komponen-komponen yang lain masih dalam tahap cadangan dan tertakluk kepada kajian semula serta kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan kelak.

Masalah kewangan menjadi cabaran utama bagi Kerajaan Negeri untuk melaksanakan komponen-komponen PTMP lain sekiranya tidak mendapat sokongan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga perlu mengambil kira isu-isu berbangkit semasa proses pengambilan balik tanah yang dijalankan, cabaran bagi mendapatkan kelulusan-kelulusan wajib yang berkaitan, kawalan bagi meminimumkan kesan kepada alam sekitar dan sosial, bantahan terhadap projek oleh pihak parti politik dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), dan cabaran lain yang tidak diduga.

Kerajaan Negeri yakin bahawa dengan adanya sistem LRT Laluan Mutiara, masalah kesesakan lalu lintas di negeri ini akan dapat dikurangkan. Sistem LRT ini telah mendapatkan sokongan

lebih 97% penduduk Pulau Pinang dan maklumbalas daripada pelawat yang disoal selidik semasa sesi Pemeriksaan Awam. Oleh itu, sistem LRT Laluan Mutiara ini akan menarik minat orang ramai untuk menggunakan pengangkutan awam yang dihubungkan sehingga ke Penang Sentral di Butterworth sebagai satu (1) alternatif pengangkutan yang baik. Cadangan jajaran LRT secara *elevated* tidak akan terganggu sekiranya berlaku kejadian banjir kilat dan kemalangan di jalan raya. Maka, apabila penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam meningkat, jumlah kenderaan persendirian akan berkurangan di jalan raya lalu dapat mengurangkan masalah kesesakan jalan raya. Untuk menjayakan projek LRT ini, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan pihak MRTC untuk mempromosikan perkhidmatan LRT Laluan Mutiara ini bagi memastikan rakyat Pulau Pinang menggunakan LRT dan bas perantara, iaitu sistem *feeder* yang menyokong perkhidmatan LRT.

- (a) Perancangan PTMP adalah modular, membolehkan fokus beralih mengikut keperluan dan ketersediaan dana untuk perancangan jangka pendek dan panjang seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Kerajaan Negeri mengamalkan pendekatan kewangan berhemat melalui strategi yang jelas:
 - (i) Kerjasama pelaksanaan projek LRT Laluan Mutiara bersama Kerajaan Persekutuan di mana Kerajaan Persekutuan membiayai LRT Laluan Mutiara (anggaran RM13 bilion – RM16.8 bilion), Kerajaan Negeri telah mengurangkan beban tanggungan, yang sebelum ini merupakan kebimbangan utama PTMP;
 - (ii) Model Pembiayaan *Public-Private-Partnership* (PPP) bagi pelaksanaan projek Pulau Silikon (Pulau A) berserta Pembangunan, kemudahan infrastruktur di atas Pulau A, *highway Pan Island Link 2A* (PIL 2A), *Airport Link Road* (sebelum ini dikenali sebagai Penang South Reclamation - PSR, yang telah dikurangkan saiznya daripada tiga buah pulau kepada satu pulau) yang sepatutnya menjadi sumber utama pembiayaan untuk komponen PTMP yang lain, terutamanya projek Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL1), laluan rel Tanjung Tokong dan Air Itam serta

lain-lain komponen yang dirancang di bawah PTMP sejak 2015;

Projek ini dirancang untuk menggunakan pendekatan penjanaan hasil daripada penjualan tanah baharu untuk membiayai infrastruktur, sekali gus mengelak penggunaan dana awam negeri yang sedia ada; dan

- (iii) Kerajaan Negeri memperuntukkan dana khusus di bawah Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) dan Pelan Induk Pengimbangan Ekologi PSI (PEOM). Peruntukan ini disalurkan untuk membantu komuniti nelayan yang terimpak dengan pelaksanaan projek tambakan Pulau Silikon dan pelaksanaan langkah-langkah mitigasi alam sekitar juga diutamakan.

Kerajaan Negeri tidak hanya fokus pada pembangunan fizikal, tetapi turut mengambil kira impak sosial dan ekologi, yang juga merupakan sebahagian daripada kos pelaksanaan yang bertanggungjawab.

Secara keseluruhannya, jaminan kewangan PTMP kini jauh lebih kukuh berbanding tahun-tahun sebelumnya, berikutan penglibatan Kerajaan Persekutuan dan model pembiayaan inovatif yang berasaskan model PPP.

LAMPIRAN A

PERANCANGAN JANGKA PENDEK DAN PANJANG BAGI RANCANGAN INDUK PENGANGKUTAN PULAU PINANG (PTMP)

Jenis Projek	Komponen Utama	Jangka Masa & Status	Tujuan Strategik
Transit Rel (Projek Utama PTMP)	LRT Laluan Mutiara (Pulau Silikon/Bayar Lepas - Komtar - Penang Sentral	Jangka Pendek-Sederhana: Pembinaan bermula 2025, siap 2031.	Menjadi tulang belakang sistem pengangkutan awam, meningkatkan sasaran mod awam kepada 40% menjelang 2031.
Infrastruktur Jalan Raya Fasa 1	Pakej 2 Bypass (Air Itam-Tun Dr Lim Chong Eu)	Jangka Pendek: Hampir siap, dijangka operasi 2027.	Menyuraikan kesesakan laluan utama di kawasan padat.
Infrastruktur Jalan Raya Fasa 2	Pan Island Link (PIL) & Terowong/ Jambatan 'Third Link'	Jangka Panjang: Dalam semakan semula kebolehlaksanaan dan penyetaraan reka bentuk.	Melengkapkan rangkaian jalan raya dan menghubungkan pulau-tanah besar.
Ketersambungan Merentas Selat	Jambatan Rel LRT Mutiara ke Penang Sentral	Jangka Pendek-Sederhana: Reka bentuk selesai, proses tender sedang berjalan.	Mengintegrasikan sepenuhnya pengangkutan awam Pulau Pinang dan Seberang Perai.
Pengangkutan Awam Seberang Perai	Transit Aliran Bas (BRT)	Jangka Panjang: Dalam perancangan.	Menyediakan sistem transit awam di Seberang Perai sementara menunggu pengoperasian sistem LRT.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

10. Berapakah jumlah belia yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah di Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga kini?
- (a) Apakah strategi yang digunakan untuk mengenal pasti dan mendekati belia di kawasan berisiko tinggi?
- (b) Apakah jenis program intervensi yang telah dilaksanakan di kawasan-kawasan tersebut?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Berdasarkan statistik penyalahgunaan dadah yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), bilangan penagih dadah di Negeri Pulau Pinang secara keseluruhan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Penagih
2020	2,622
2021	2,080
2022	2,248
2023	3,320
2024	3,394
2025 (Setakat Ogos)	2,340
Jumlah Keseluruhan	16,004

- (a) Strategi utama bagi mengenalpasti kawasan berisiko penyalahgunaan dadah adalah dengan menganalisis data kawasan *hotspot* dan Skwad Anti Dadah. Pihak berkuasa akan menggunakan data berkaitan penagihan dadah, bilangan klien, individu yang disyaki serta penagih baharu untuk menentukan kawasan berisiko tinggi khususnya yang melibatkan golongan belia. Skwad Anti Dadah yang diwujudkan turut berfungsi sebagai 'mata-mata' dalam memantau serta memerhati kawasan baharu *hotspot* penagihan dadah.

Bagi strategik mendekati golongan belia yang terdedah di kawasan *hotspot* penagihan dadah, beberapa inisiatif telah dilaksanakan antaranya adalah seperti pelaksanaan program Kem Belia, Skwad Anti Dadah yang membawa pendedahan bahaya dadah kepada belia dan penggunaan media sosial sebagai platform utama dalam membentasi penyalahgunaan serta jenayah dadah.

- (b) Terdapat beberapa program intervensi yang dilaksanakan di kawasan berisiko tinggi penyalahgunaan dadah seperti:
- (i) Program pemulihan dan rawatan yang berasaskan Model i-Pulih diperkasakan di setiap daerah yang merangkumi 9 komponen iaitu rawatan perubatan dan pendidikan kesihatan, pembentukan fizikal dan disiplin, bimbingan dan kaunseling, psikopendidikan, sivik dan tatanegara, latihan kemahiran dan vokasional, agama dan spiritual, sosial dan rekreasi serta integrasi masyarakat;
 - (ii) Program sokongan keluarga seperti Program Kelompok Sokongan Keluarga Kepulihan, Program *Family On Alert* dan Program Sesi Lawatan keluarga;
 - (iii) Program Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya yang dilaksanakan di sekolah dan mensasarkan pelajar berumur 13 hingga 18 tahun; dan
 - (iv) Program Intelek Asuhan Rohani untuk murid sekolah rendah tahap dua iaitu berumur 10 hingga 12 tahun yang berisiko. Matlamatnya adalah untuk membina kesedaran dan daya tahan diri terhadap penyalahgunaan dadah.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

11. Nyatakan jumlah Permit Khas (KPDN) kategori Pengangkutan Air kepada nelayan di Pulau Pinang bagi tahun 2020 hingga 2024 mengikut jeti.
- (a) Senaraikan kaedah memohon Permit Khas dan syarat yang perlu dipatuhi.
 - (b) Senaraikan aduan / kompaun salah guna minyak bersubsidi oleh pemegang permit.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Jumlah Permit Khas kategori Pengangkutan Air yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN) dari tahun 2020 hingga tahun 2024 adalah seperti yang berikut:
- (i) Aktiviti nelayan bukan sepenuh masa sebanyak 19 permohonan; dan
 - (ii) Aktiviti pengangkutan air persendirian/pelancongan sebanyak 34 permohonan.
- (a) Permohonan Permit Khas boleh dibuat melalui Sistem MySubsidi Permit Khas. Dokumen sokongan yang dilampirkan di dalam sistem perlu lengkap bagi memenuhi syarat kelulusan permohonan.

Senarai dokumen bagi permohonan Permit Khas mengikut kategori permohonan adalah seperti yang berikut:

KATEGORI PERMOHONAN	SENARAI DOKUMEN
Permohonan Individu	<ul style="list-style-type: none"> i. Salinan kad pengenalan; ii. Surat sokongan dari agensi berkaitan; ii. Kelulusan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (mengikut keperluan); v. Surat kontrak kerja/jadual kerja (jika berkaitan); v. Salinan dokumen pemilikan/ penyewaan jentera (untuk kategori pertanian sahaja); vi. Salinan dokumen pemilikan tanah (untuk kategori pertanian sahaja); vii. Salinan sijil pemilikan/penyewaan kenderaan (untuk kegunaan jentera yang berkaitan); dan viii. Surat sokongan daripada stesen minyak yang dipilih.
Permohonan Syarikat	<ul style="list-style-type: none"> i. Salinan kad pengenalan pemilik syarikat; ii. Salinan pendaftaran perniagaan/ syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); iii. Salinan surat lantikan wakil syarikat; iv. Surat sokongan dari agensi berkaitan; v. Kelulusan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (mengikut keperluan); vi. Surat kontrak kerja/jadual kerja (jika berkaitan); vii. Salinan dokumen pemilikan/ penyewaan jentera (untuk kategori pertanian sahaja); iii. Salinan dokumen pemilikan tanah (untuk kategori pertanian sahaja); ix. Salinan sijil pemilikan/penyewaan kenderaan (untuk kegunaan jentera yang berkaitan); dan x. Surat sokongan daripada stesen minyak yang dipilih.

- (b) KPDN dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) tidak mempunyai maklumat ke atas rekod aduan/kompaun salah guna minyak bersubsidi oleh pemegang Permit Khas kategori Pengangkutan Air di Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

12. Nyatakan penerima subsidi petrol / diesel dalam kalangan pemegang Permit Khas nelayan mengikut daerah dari tahun 2020 hingga 2024.
- (a) Nyatakan kriteria kelayakan subsidi petrol / diesel untuk pemegang Permit Khas nelayan.
 - (b) Senaraikan kes salah guna / penyelewengan yang berlaku dari tahun 2020 sehingga kini.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) melalui surat kepada pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bertarikh 2 Februari 2021 telah mempertimbangkan kelulusan Lesen Sampan Khas (LSK) bagi 3,629 permohonan tertakluk kepada syarat-syarat tambahan seperti yang berikut:
- (i) Penerima LSK tidak layak menuntut Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN), Bantuan Subsidi Minyak dan Insentif Pendaratan Ikan dalam tempoh percubaan selama satu (1) tahun; dan
 - (ii) Penerima LSK diwajibkan mengemukakan laporan pendaratan hasil tangkapan kepada pihak LKIM untuk tujuan rekod dan pemantauan serta menjadi kriteria dalam pemberian insentif-insentif di bawah LKIM.

Justeru, penerima LSK yang telah melepasi syarat tambahan dan telah mengemukakan laporan pendaratan hasil tangkapan (sekurang-kurangnya 120 kali pengisytiharan) layak untuk memperbaharui lesen vesel dengan pihak DOF serta layak untuk memohon bantuan di bawah program Insentif Hasil Tangkapan Nelayan (IHTN) seperti bantuan ESHN, Bantuan Subsidi Minyak dan Insentif Pendaratan Ikan.

- (a) Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan mula dilaksanakan pada tahun 2006 bagi membantu menampung sebahagian kos operasi menangkap ikan yang ditanggung oleh nelayan disebabkan kesan kenaikan harga minyak di pasaran.

Kategori penerima skim ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Pemilik Vesel perikanan Zon A (tradisional);
- (ii) Pemilik Vesel perikanan Zon A (enjin dalam dan jerut bilis);
- (iii) Pemilik Vesel perikanan Zon B; dan
- (iv) Pemilik Vesel perikanan Zon C.

Syarat kelayakan untuk memohon skim ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Pemilik Mykad (Biru);
- (ii) Memiliki lesen vesel perikanan yang sah dikeluarkan oleh DOF; atau
- (iii) Memiliki lesen vesel perikanan yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Sabah atau Jabatan Pelabuhan Dermaga Negeri Sabah serta Lesen Menangkap Ikan oleh Jabatan Perikanan Sabah.

Pemilik vesel individu/syarikat diwajibkan berdaftar dengan LKIM di Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) melalui *eNelayan Management System* dengan mengemukakan dokumen yang berkaitan.

(b) Kes salah guna/penyelewengan yang dilakukan oleh nelayan pantai dan laut hasil dari tangkapan jabatan/agensi penguatkuasa adalah seperti yang berikut:

- (i) Membenarkan pihak ketiga menggunakan kad pintar petrol/diesel semasa pembelian selain daripada pemilik kad pintar;
- (ii) Menggunakan minyak subsidi petrol/diesel bukan untuk tujuan menangkap ikan;
- (iii) Pemilik vesel tidak turun ke laut atau vesel rosak tetapi membuat pengistiharan dan membeli minyak subsidi petrol/diesel untuk kegunaan sendiri; dan
- (iv) Pemilik kad pintar mengisi minyak ke dalam tong yang tidak dibenarkan dan mengisi minyak ke dalam kenderaan.

Manakala kes salah guna/penyelewengan yang dilakukan oleh nelayan pantai dan laut hasil dari aduan awam atau pemeriksaan mengejut ke stesen minyak yang didaftarkan adalah seperti yang berikut:

- (i) Pembelian minyak subsidi yang melebihi kapasiti tong/tangki yang dibenarkan oleh LKIM;
- (ii) Pemegang kad pintar menjual minyak subsidi kepada nelayan lain yang kehabisan kuota; dan
- (iii) Mengisi minyak subsidi diesel ke vesel yang dimiliki dengan menggunakan kad pintar orang lain kerana kehabisan kuota.

Bilangan kes salah guna/penyelewengan yang berlaku di kalangan nelayan Negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga 2025 adalah seperti jadual yang berikut:

TAHUN	BILANGAN KES
2020	55
2021	52
2022	52
2023	17
2024	61
2025	37
JUMLAH	274

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

13. Senaraikan pendaratan ikan dari tahun 2023 sehingga 2025 mengikut daerah.
- (a) Terangkan faktor utama kejatuhan bilangan pendaratan ikan seperti dilaporkan Utusan pada 22 September 2025.
 - (b) Sejauh manakah projek PSI memberi impak kejatuhan pendaratan ini?

YB FAHMI BIN ZAINOL

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. Jumlah pendaratan ikan mengikut daerah pada tahun 2023 sehingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Berdasarkan data tangkapan laut pada tahun 2023 hingga 2024, terdapat peningkatan pendaratan dari 38,226.24 tan metrik ke 39,385.50 tan metrik. Peningkatan pengeluaran domestik negara ini adalah konsisten dan positif sepanjang tempoh pemulihan dan menjadi antara penyumbang penting kepada hasil perikanan negara. Kadar Sara Diri (SSR) perikanan juga turut menunjukkan peningkatan dari 91.9% pada tahun 2023 ke 93.3% pada tahun 2024.

Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Pulau Pinang terus membangunkan sektor perikanan alternatif dan mampan melalui sektor akuakultur. Selari dengan Dasar Agro makanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), pihak

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa komited untuk meningkatkan sektor agromakanan negara secara menyeluruh termasuk melalui pembangunan sektor akuakultur.

Sebagai contoh, pengeluaran akuakultur marin di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2024 adalah yang tertinggi di Malaysia dengan jumlah pengeluaran sebanyak 52,943 tan metrik daripada jumlah pengeluaran akuakultur negara secara keseluruhan pada tahun 2024 adalah sebanyak 56,051.12 tan metrik.

- (b) Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Batu Maung telah melaksanakan analisis pendaratan sumber laut di kawasan selatan Negeri Pulau Pinang iaitu di sekitar tapak projek Pulau Silikon pada tahun 2025. Walau bagaimanapun, pengumpulan data tersebut masih belum selesai dan pihak IPP akan mengeluarkan data secara sah selepas proses analisis tamat.

JUMLAH PENDARATAN IKAN MENGIKUT DAERAH PADA TAHUN 2023 SEHINGGA SEPTEMBER 2025 (TAN METRIK)

2023	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH BESAR	
	Barat Daya	752.728	1302.917	1458.324	1121.757	1237.014	1283.227	1371.193	1188.244	1200.642	1259.962	1178.38	1107.097	14461.485
Timur Laut														
Seberang Perai Utara	1663.355	2143.57	1590.776	1748.12	1227.956	1746.506	2277.267	1680.35	1186.191	1211.652	1841.989	1432.259	19749.991	
Seberang Perai Tengah														
Seberang Perai Selatan														
2024	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH (JAN - APR)	JUMLAH (MEI - DIS)
Barat Daya	468.344	646.375	863.821	875.432	1079.88	962.361	718.28	739.725	582.581	775.94	678.305	736.431	2853.972	6273.503
Timur Laut	630.609	823.656	1131.77	1149.245	1349.051	1166.491	942.143	972.495	788.833	1029.153	905.368	1008.015	3735.28	8161.549
Seberang Perai Utara					946.785	1073.004	721.734	687.121	721.023	840.291	752.066	671.114		6413.138
Seberang Perai Tengah	2148.424	4225.005	3903.476	3469.596	74.035	74.392	70.353	75.684	70.861	75.527	77.377	79.624	13746.501	597.853
Seberang Perai Selatan					478.917	523.23	534.329	547.994	577.724	538.497	585.113	618.386		4404.19
2025	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	JUMLAH BESAR				
Barat Daya	623.223	659.348	605.6	923.867	737.529	720.588	763.044	723.569	647.292	6404.06				
Timur Laut	371.274	397.84	298.405	404.977	353.354	343.357	335.068	345.487	0	2849.762				
Seberang Perai Utara	1087.447	2626.889	2268.588	2732.697	1875.623	1934.129	2375.805	1687.832	1623.18	18212.19				
Seberang Perai Tengah	85.413	108.291	109.17	106.119	103.936	110.597	109.384	107.096	108.041	948.047				
Seberang Perai Selatan	623.223	659.348	605.6	923.867	737.529	720.588	763.044	723.569	647.292	6404.06				

Nota: Tiada data mengikut daerah di Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan bagi bulan Januari hingga April kerana data diambil dari setiap pangkalan bermula bulan Mei.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

14. Senaraikan bantuan dan jumlah bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat di Pulau Pinang sejak 2018 hingga kini.
- (a) Senaraikan jumlah yang diterima mengikut sekolah, daerah dan tahun.
 - (b) Apakah kriteria agihan bantuan SAR?
 - (c) Apakah keberkesanan bantuan SAR terhadap hasil pendidikan?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Bantuan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Pulau Pinang sejak 2018 hingga 2024 ialah seperti berikut:

TAHUN	PERUNTUKAN
2018	RM1,777,432.00
2019	RM2,481,160.00
2020	RM2,994,260.00
2021	RM3,002,927.00
2022	RM3,170,138.00
2023	RM2,910,376.00
2024	RM3,200,000.00

- (a) Senarai jumlah yang diterima mengikut sekolah, daerah dan tahun adalah seperti di **LAMPIRAN A** dan **LAMPIRAN B**.
- (b) Kriteria agihan bantuan SAR adalah seperti berikut;
 - (i) Agihan mengikut jumlah sekolah yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang;
 - (ii) Agihan secara jumlah pelajar sekolah secara perkapita; dan
 - (iii) Agihan berdasarkan jumlah guru dan kakitangan sekolah.
- (c) Keberkesanan bantuan SAR terhadap hasil pendidikan seperti berikut:
 - (i) Bantuan SAR dapat mengurangkan beban kewangan sekolah yang ditanggung oleh pihak Jemaah Pengurusan sekolah yang boleh menjejaskan operasi Pendidikan;
 - (ii) Pembelian Alat Bantu Mengajar (ABM) mampu meningkatkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru kepada pelajar;
 - (iii) Bantuan SAR kepada guru-guru mampu meningkatkan semangat dan komitmen dalam pengajaran kepada pelajar; dan
 - (iv) Bantuan SAR yang dibelanja untuk pembaikan kecil akan memberi manfaat keselesaan kepada semua pelajar di sekolah.

LAMPIRAN A

JUMLAH SEKOLAH MENGIKUT DAERAH
TAHUN 2018 HINGGA 2024

BIL	DAERAH	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
1	Barat Daya	27	42	43	44	44	44	44
2	Timur Laut	25	35	35	35	35	35	35
3	Butterworth	21	41	43	43	43	43	43
4	Kepala Batas	47	70	75	77	77	72	75
5	Seberang Perai Tengah	47	76	89	89	89	89	89
6	Seberang Perai Selatan	27	40	46	46	46	46	46
	JUMLAH	194	304	331	334	334	329	332

LAMPIRAN B

**JUMLAH AGIHAN PERUNTUKAN SEKOLAH MENGIKUT DAERAH
TAHUN 2018 HINGGA 2024**

BIL	DAERAH	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
1	Barat Daya	RM247,375	RM342,791	RM39,8892	RM395,595	RM404,449	RM389,229	RM424,096
2	Timur Laut	RM229,050	RM285,659	RM316,613	RM314,677	RM321,721	RM309,614	RM337,349
3	Butterworth	RM192,402	RM334,630	RM388,982	RM386,604	RM395,257	RM380,383	RM414,457
4	Kepala Batas	RM430,614	RM571,139	RM678,457	RM692,291	RM707,786	RM6369,21	RM722,891
5	Seberang Perai Tengah	RM430,614	RM620,390	RM805,183	RM800,181	RM818,090	RM787,304	RM857,831
6	Seberang Perai Selatan	RM247,375	RM326,648	RM416,250	RM413,576	RM422,383	RM406,921	RM4433,73

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

15. Senaraikan bantuan dan jumlah bantuan MAINPP kepada KITAB sejak 2018.
- (a) Apakah pecahan operasi, pembangunan dan biasiswa mengikut tahun?
- (b) Apakah status audit perbelanjaan dan pematuhan syarat?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Jumlah bantuan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) kepada Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB) pada tahun 2018 sehingga 2025 adalah seperti berikut:

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
2018	3,000,000
2019	3,000,000
2020	3,970,000
2021	4,500,000
2022	4,500,000
2023	5,242,000
2024	5,800,000
2025	6,600,000

Peruntukan ini telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah KITAB Pulau Pinang Sdn. Bhd., Zakat MAINPP dan MAINPP sendiri untuk perbelanjaan pengurusan dan peruntukan biasiswa zakat terbuka untuk semua program yang ditawarkan.

(a) Perincian pecahan Belanja Operasi, Pembangunan dan Biasiswa mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	BELANJA OPERASI (RM)	BELANJA PEMBANGUNAN (RM)	BIASISWA PELAJAR (RM)
2018	3,055,047	162,637	499,020
2019	3,081,684	141,575	506,851
2020	3,476,893	28,567	169,908
2021	7,200,546	46,687	366,800
2022	5,436,179	94,265	878,400
2023	6,789,233	116,928	636,170
2024	8,546,017	220,615	718,005

(b) Status audit perbelanjaan dan pematuhan syarat mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	NAMA FIRMA AUDIT	TARIKH SIJIL AUDIT	JENIS SIJIL AUDIT
2018	NORHASHIMAH & PARTNERS	12 April 2019	Bersih
2019	NORHASHIMAH & PARTNERS	10 Februari 2020	Bersih
2020	JAMAL, AMIN & PARTNERS	8 Februari 2021	Bersih
2021	JAMAL, AMIN & PARTNERS	18 Februari 2022	Bersih
2022	JAMAL, AMIN & PARTNERS	15 Februari 2023	Bersih
2023	MNZ WAJA PLT	16 April 2024	Bersih
2024	MNZ WAJA PLT	25 April 2025	Bersih

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

16. Senaraikan rangkaian industri dan penempatan pelajar KITAB.
- a) Dengan siapa MoU latihan industri ditandatangani?
 - b) Berapakah bilangan penempatan praktikum setahun dan kadar penyerapan kerja?
 - c) Apakah KPI kebolehpasaran yang disasar tiga tahun akan datang?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Senarai rangkaian industri dan penempatan pelajar Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A.**
- (a) Memorandum Persefahaman (MoU) latihan industri telah ditandatangani dengan beberapa agensi mengikut bidang pengajian seperti berikut:
 - (i) Bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak – Keedsflix
 - (ii) Bidang Halal – Dalam peringkat perancangan untuk dimeterai bersama Penang Halal International (PHI)

- (iii) Bidang Kaunseling – Dalam peringkat perancangan untuk dimeterai bersama Yayasan Kebajikan Negara (YKN)
- (b) Jumlah keseluruhan penempatan praktikum dan latihan industri bagi tahun semasa melibatkan seramai 92 orang pelajar merangkumi tiga (3) sesi pelaksanaan iaitu Semester 3 Sesi 2023/2024, Sesi Timur Tengah, dan Semester 1 Sesi 2025/2026. Penempatan ini merangkumi pelbagai bidang pengajian termasuk Pendidikan Awal Kanak-kanak, Halal dan Kaunseling yang dijalankan melalui kerjasama strategik dengan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), serta sektor industri swasta di dalam dan luar negeri.

Dari segi kadar penyerapan kerja, hasil maklum balas daripada agensi latihan menunjukkan bahawa 80% hingga 85% pelajar telah diserap bekerja selepas tamat latihan industri. Penyerapan ini melibatkan pelbagai bentuk pekerjaan seperti kontrak, sambilan dan sepenuh masa. Hal ini menandakan bahawa latihan industri bukan sekadar komponen akademik, tetapi juga medium penting dalam melahirkan graduan yang memenuhi keperluan pasaran kerja semasa.

Kecenderungan majikan untuk menyerap pelatih sebagai pekerja tetap turut membuktikan keberkesanan pendekatan latihan industri yang menekankan kemahiran insaniah, etika kerja, komunikasi berkesan, dan profesionalisme pelajar. Pihak institusi juga mendapati peningkatan minat pelajar untuk kekal bekerja di tempat latihan berpunca daripada keserasian budaya kerja dan pendedahan praktikal yang baik sepanjang tempoh penempatan.

- (c) KPI kebolehpasaran graduan bagi tempoh tiga (3) tahun akan datang (2025–2028) adalah untuk mencapai sekurang-kurangnya 90% kadar kebolehpasaran graduan menjelang tahun 2028 selaras dengan matlamat Agenda Pembangunan Agama Islam 2030 (APAI2030) Negeri Pulau Pinang iaitu membina masyarakat berilmu, sejahtera dan berdaya saing.

LAMPIRAN A

SENARAI RANGKAIAN INDUSTRI DAN PENEMPATAN PELAJAR KOLEJ ISLAM TEKNOLOGI ANTARABANGSA (KITAB) PULAU PINANG

SEM 3 SESI 2024/2025			
BIL	LATIHAN INDUSTRI	BIL. PELAJAR	CATATAN
1	MADRASAH AL-AMINIAH	1	
2	BALAI POLIS BALIK PULAU	1	
3	PUSAT PENGAJIAN DARUL HADIS PULAU PINANG	3	
4	TADIKA MENARA GADING	1	
5	MAHABBATEN TRAVEL & TOURS (SEBERANG JAYA)	1	
6	SEKOLAH ZAKAT KEDAH	1	
7	MAAHAD TAHFIZ AL-ISLAH	1	
8	MASJID JAMEK ARA KUDA	1	
9	PUSAT ISLAM, USM	1	
10	SMA FAQIAH DAIMIAH	1	
11	SEKOLAH RENDAH INTEGRASI TERAS ISLAM (SRITI)	1	
12	PEJABAT AGAMA DAERAH BARAT DAYA PULAU PINANG	1	
TIMUR TENGAH 2025			
1	PENANG HALAL INTERNATIONAL	3	
2	YAYASAN ISLAM PULAU PINANG	2	
3	MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG	2	
4	WAKAF MAINPP	2	
5	ZAKAT MAINPP	3	
6	KOLEJ ISLAM TEKNOLOGI ANTARABANGSA (KITAB) PULAU PINANG	2	
7	JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH PULAU PINANG	2	
8	JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG	3	
9	JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG	2	
SEM 1 SESI 2025/2026			
1	AC SYNERGY ENTERPRISE SDN. BHD. (KILANG PAU GREEN COTTAGE)	1	
2	AG MED SDN BHD	1	
3	AI-KAUTHAR EDUQIDS BANDAR PERDA BUKIT MERTAJAM	1	
4	AUGY GLOBAL MARKETING SDN.BHD	2	
5	AZMINA JANNAH DIANI & ASSOCIATES	1	
6	BAHAGIAN PENGUATKUASAAN JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG	1	
7	BAHANG BAY HOTEL SDN. BHD.	1	
8	BRAHIM FOOD SERVICE BAYAN LEPAS	1	
9	FARMERS RIVER INTERNATIONAL SDN BHD	2	
10	GoWSTOURS INTERNATIONAL	1	
11	HOTEL SERI MALAYSIA (BAYAN BARU)	1	

12	JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG (JMNPP)	1	
13	JERUK MADU PAK ALI	1	
14	KHABILU MURUKU (TASEK GELUGOR)	2	
15	KOLEJ ISLAM TEKNOLOGI ANTARABANGSA PULAU PINANG	1	
16	KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS)	1	
17	KOMATRA SAJIAN SDN BHD (KEM SUNGAI ARA)	1	
18	KPDNKK SEBERANG JAYA PULAU PINANG	1	
19	LEXIS SUITES HOTEL	1	
20	LOGIX EXPRESS SND BHD	1	
21	MADRASAH ALQURAN WAL ARABIYYAH (MAWAR)	1	
22	MADRASAH TAHFIZ NIKMATUL IMAN	1	
23	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH KULIM	1	
24	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUALA MUDA	1	
25	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEBERANG PERAI SELATAN	1	
26	MUMMY RQ SDN.BHD	1	
27	NABIHAN LEGACY	1	
28	PAK ALI INDUSTRIES SDN BHD	1	
29	PEJABAT AGAMA DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH	1	
30	PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BARAT DAYA (PPD)	1	
31	POLITEKNIK SEBERANG PERAI	2	
32	PULLMAN KLCC HOTEL & RESIDENCES	1	
33	PUSAT ISLAM , USM	1	
34	PUSAT PEMULIHAN PENAGIHAN NARKOTIK (PUSPEN) BUKIT MERTAJAM	1	
35	PUSAT PERKHIDMATAN WANITA (PPW)	1	
36	SK CHANGKAT IBUL	1	
37	TADIKA MUTIARA PINTAR ATHFAL BALIK PULAU	1	
38	TADIKA TAHFIZ FITRAH	1	
39	THERAPLAY MALAYSIA ACADEMY	1	
40	UiTM PERMATANG PAUH	1	
41	USLINOV AHMAD CHAMBERS	1	
42	VOUK HOTEL SUITES, PENANG	2	
43	WEEDA RICH INDUSTRIES SDN BHD	1	
44	YADIM PULAU PINANG	1	
45	YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA PULAU PINANG	3	
46	YAYASAN RESTU	1	
47	YKN HQ PUTRAJAYA	2	
48	YUSLINOV AHMAD CHAMBERS	2	
JUMLAH PELAJAR		92	

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

17. Apakah jumlah bantuan kepada pelajar yang menyambung pelajaran di luar negara sejak 2018?
- (a) Apakah pecahan mengikut negara, bidang dan tahun?
 - (b) Apakah kriteria kelayakan bantuan pelajar luar negara?
 - (c) Apakah syarat pendapatan, CGPA dan pengiktirafan institusi?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Jumlah bantuan kepada pelajar yang menyambung pelajaran di luar negara melalui Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sejak 2018 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Pecahan mengikut negara bidang dan tahun adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
 - (b) Kriteria kelayakan bantuan pelajar luar negara adalah seperti berikut:
 - (i) Skim Permulaan Insititut Pengajian Tinggi (IPT) Luar Negara:
 - 1) Bermastautin di Pulau Pinang melebihi setahun;
 - 2) Peringkat Ijazah Sarjana Muda sahaja;

- 3) Belajar sepenuh masa;
- 4) Permohonan sekali sahaja; dan
- 5) Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh pendaftaran yang dinyatakan dalam surat tawaran

(ii) Skim Dermasiswa Luar Negara:

- 1) Bermastautin di Pulau Pinang melebihi setahun;
- 2) Peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan PhD sahaja;
- 3) Tidak mendapat mana-mana tajaan atau pinjaman boleh ubah;
- 4) Hanya keputusan peperiksaan yang LULUS akan dipertimbangkan, kecuali bagi pengajian Islam di Indonesia yang memperoleh nilai purata bersamaan dengan CGPA 2.75;
- 5) Keputusan peperiksaan dan surat pengesahan pengajian tahun semasa pelajar Timur Tengah perlu **DISAHKAN** oleh Pegawai Atase Pendidikan Pulau Pinang di Timur Tengah;
- 6) Permohonan sekali sahaja dalam tempoh setahun; dan
- 7) Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

(c) Syarat pendapatan, CGPA dan pengiktirafan institusi adalah seperti berikut:

- (i) Tiada syarat pendapatan kerana di bawah asnaf Fisabilillah;

- (ii) CGPA 2.75 ke atas sahaja bagi Indonesia (Pengajian Islam)/ pengajian luar Malaysia yang lain seperti bidang perubatan syarat kelayakan minimum adalah LULUS sahaja; dan
- (iii) Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

LAMPIRAN A

SKIM PERMULAAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT) LUAR NEGARA

TAHUN	NILAI AGIHAN (RM)	BIL. PENERIMA
2018	289,268.20	151
2019	283,500.00	143
2020	45,000.00	22
2021	205,000.00	101
2022	136,000.00	68
2023	204,000.00	102
2024	192,515.88	79

SKIM DERMASISWA LUAR NEGARA SEPERTI BERIKUT:

TAHUN	NILAI AGIHAN (RM)	BIL. PENERIMA
2021	2,690,000.00	278
2022	2,156,000.00	268
2023	2,445,000.00	280
2024	2,104,000.00	249

LAMPIRAN B

TAHUN 2021:

TAHUN	NEGARA	BIDANG	PELAJAR	DERMASISWA (RM)
2021	Mesir	Pengajian Islam	192	1,406,000.00
	Indonesia	Pengajian Islam	26	182,000
	Jordan	Pengajian Islam	11	132,000
	Maghribi	Pengajian Islam	1	10,000
	Indonesia	Perubatan	6	120,000.00
	Mesir	Perubatan	34	680,000.00
	Rusia	Perubatan	8	160,000.00
Jumlah			278	2,690,000.00

TAHUN 2022:

TAHUN	NEGARA	BIDANG	PELAJAR	DERMASISWA (RM)
2022	Mesir	Pengajian Islam	202	1,261,000.00
	Indonesia	Pengajian Islam	14	98,000.00
	Jordan	Pengajian Islam	30	369,000.00
	Maghribi	Pengajian Islam	1	8,000.00
	India	Perubatan	1	20,000.00
	Indonesia	Perubatan	4	80,000.00
	Mesir	Perubatan	12	240,000.00
	Rusia	Perubatan	4	80,000.00
Jumlah			268	2,156,000.00

TAHUN 2023:

TAHUN	NEGARA	BIDANG	PELAJAR	DERMASISWA (RM)
2023	Mesir	Pengajian Islam	201	1,308,000.00
	Indonesia	Pengajian Islam	12	84,000.00
	Jordan	Pengajian Islam	33	393,000.00
	Maghribi	Pengajian Islam	2	20,000.00
	Bangladesh	Perubatan	1	20,000.00
	Indonesia	Perubatan	6	120,000.00
	Mesir	Perubatan	18	360,000.00
	Rusia	Perubatan	7	140,000.00
Jumlah			280	2,445,000.00

TAHUN 2024:

TAHUN	NEGARA	BIDANG	PELAJAR	DERMASISWA (RM)
2024	Mesir	Pengajian Islam	180	1,146,000.00
	Indonesia	Pengajian Islam	6	42,000.00
	Jordan	Pengajian Islam	39	466,000.00
	Maghribi	Pengajian Islam	3	30,000.00
	Rusia	Pengajian Islam	1	20,000.00
	Bangladesh	Perubatan	1	20,000.00
	Indonesia	Perubatan	3	60,000.00
	Mesir	Perubatan	11	220,000.00
	Rusia	Perubatan	5	100,000.00
Jumlah			249	2,104,000.00

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

18. Sekolah Islam Antarabangsa Al Mashoor oleh MAINPP.
- (a) Apakah bentuk kerjasama antara MAINPP, Yayasan Islam Pulau Pinang dan Al Hamra Integrated School dalam aspek kurikulum, pengurusan pentadbiran serta sumber kewangan?
 - (b) Apakah perkembangan projek ini?
 - (c) Sejauh manakah model ini menjamin sekolah Islam antarabangsa ini dalam jangka masa panjang?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. (a) Mesyuarat Lembaga Pengarah Yayasan Islam Pulau Pinang Bil. 2/2025 bertarikh 21 Julai 2025 bersetuju untuk pengoperasian Al Mashoor International Islamic School (AMIIS) akan menggunakan YIPP Edu Services Sdn. Bhd. yang dimiliki secara majoriti oleh MAINPP dengan pegangan saham, sebanyak 70 peratus dan Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) sebanyak 30 peratus. Pada 22 Mac 2025 satu majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) bersama pihak Al Hamra Integrated School telah diadakan dan Al Hamra Integrated School akan bertindak sebagai operator

melalui satu Syarikat Special Purpose Vehicle (SPV) yang akan dimiliki secara bersama oleh YIPP Edu Services Sdn. Bhd. dan operator Al Mashoor International Islamic School (AMIIS). Ini adalah satu inisiatif supaya kawalan pengoperasian secara berterusan dapat di jalankan.

- (b) Kerja-kerja renovasi telah pun disiapkan dan di dalam proses untuk perakuan *Certificate Of Practical Completion* (CPC). Pendaftaran Lesen Kelulusan Sementara dari pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dalam proses pemeriksaan dan kelulusan.
- (c) Model kerjasama yang termeterai ini mampu untuk menjamin sekolah Islam antarabangsa dalam jangka masa panjang disebabkan oleh Struktur Tadbir Urus yang kukuh. Melalui entiti khas (SPV – Special Purpose Vehicle), struktur ini membantu menjaga integriti dan kesinambungan operasi. Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) akan bertindak sebagai penjaga visi Islamik manakala pengurus profesional mengurus operasi harian. Model yang menetapkan mekanisme audit, akademik dan kewangan secara berkala akan menjamin ketelusan dan penambahbaikan yang berterusan.

Selain itu, bagi menjamin sekolah ini dalam jangka masa panjang Standard Akademik dan Pasaran Global juga penting. Model yang menggabungkan kurikulum *International General Certificate of Secondary Education* (IGCSE) dengan nilai Islam mampu menarik pelajar antarabangsa dan tempatan. Hal ini membuktikan bahawa sekolah antarabangsa yang dibangunkan ini bukan hanya sekadar sekolah agama akan tetapi institusi yang mampu berdaya saing di peringkat global dengan identiti Islamik yang pertama di wilayah utara Semenanjung Malaysia.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

19. Berapakah jumlah kes individu menyamar sebagai sami atau pendakwah bukan Islam untuk kutipan derma di Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini?
- (a) Apakah langkah penguatkuasaan yang dilaksana bagi mencegah penipuan ini?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Sejak tahun 2020 hingga Oktober 2025, sebanyak empat laporan polis telah direkodkan di Pulau Pinang berkaitan kegiatan penipuan kewangan oleh individu yang menyamar sebagai Sami Buddha. Suspek-suspek ini didapati menjalankan kegiatan kutipan derma, kononnya untuk membiayai rumah kebajikan dan aktiviti keagamaan, namun wang yang dikutip digunakan untuk kepentingan peribadi. Hasil siasatan mengesahkan bahawa kesemua suspek tidak mempunyai pengiktirafan rasmi daripada mana-mana organisasi atau lembaga agama Buddha di Malaysia dan identiti mereka mencurigakan kerana menggunakan dokumen pengenalan diri yang dipercayai palsu atau diperoleh secara tidak sah.
- (a) Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil inisiatif untuk membuat pemantauan dan sesi libat urus secara berkala dengan pentadbiran Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI), terutamanya kuil-kuil Buddha. Tujuan utama inisiatif ini adalah untuk meningkatkan kewaspadaan komuniti RIBI terhadap kehadiran individu yang tidak

dikenali dan mengaku sebagai sami, serta menggalakkan mereka untuk melaporkan segera sekiranya mengesan kehadiran individu mencurigakan. Selain itu, maklumat yang diperoleh daripada pemantauan ini akan disalurkan kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Imigresen bagi menyemak latar belakang serta mengesan kemungkinan pemalsuan dokumen pengenalan diri yang digunakan oleh sami-sami palsu tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

20. Senaraikan program dan peruntukan pembangunan belia yang dirangka oleh Kerajaan Negeri untuk melahirkan generasi muda yang berdaya saing dan memiliki kemahiran insaniah serta kepimpinan, terutama di kawasan luar bandar.

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

20. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah memperkenalkan Siri Jelajah Belia bermula tahun 2024 bertujuan mendekati golongan belia di kawasan luar bandar serta memfokuskan kepada penglibatan aktif mereka dalam program komuniti setempat.

Pengisian utama dalam Siri Jelajah Belia ini ialah sesi libat urus secara mikro yang menampilkan YB Daniel Gooi Zi Sen, EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, bersama pemimpin setempat sebagai ahli panel untuk berinteraksi secara langsung dengan para belia.

Selain itu, pelbagai aktiviti turut dijalankan mengikut lokaliti, keperluan dan minat utama belia di sesuatu kawasan, antaranya termasuk temuduga terbuka, reruai pameran dan sesi perkongsian oleh jabatan serta agensi kerajaan, konvoi motosikal, agihan bantuan komuniti, dan banyak lagi.

Berikut ialah senarai program yang telah dijalankan sepanjang tahun 2025 (sehingga Oktober) di bawah Siri Jelajah Belia iaitu:

- (i) Santai Moreh di Permatang Pasir;
- (ii) Jelajah Sahur Belia Pulau Pinang;
- (iii) Ziarah Ramadan di Sungai Dua;
- (iv) Ziarah Ramadan di Telok Air Tawar;
- (v) Karnival Mini di Sungai Puyu;
- (vi) Baton Hari Belia Negara;
- (vii) Fiesta Belia Kampung Penanti Madani 2025;
- (viii) Jom Santai di Seberang Jaya;
- (ix) Rakan Muda Turun Kampus;
- (x) Santai Anak Muda di Telok Bahang; dan
- (xi) *Penang Rider* Jalan Teruih.

Bagi mewujudkan belia yang berdaya saing dan memiliki kemahiran insaniah serta kepimpinan, PYDC turut melaksanakan program seperti berikut:

- (i) Program Sidang Muda tahun 2025 yang mendedahkan belia dengan perjalanan Dewan Undangan Negeri, proses penggubalan undang-undang dan pemahaman tentang sistem pentadbiran kerajaan;
- (ii) Seramai 8,367 orang belia telah berdaftar sebagai Sukarelawan Belia dan turut melibatkan diri dalam pelbagai program peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri serta komuniti; dan
- (iii) Pertandingan Keusahawanan Belia atau dikenali sebagai *Youth Entrepreneurship Challenge* (YEC). Bagi tahun 2025, YEC akan dilaksanakan pada peringkat daerah manakala peringkat negeri akan dilaksanakan pada tahun 2026.

Bagi merencanakan lagi pembangunan belia di negeri ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan peruntukan seperti berikut:

- (i) Dana Pembangunan Belia berjumlah RM100,000.00 yang mana merupakan satu inisiatif di bawah MMK Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2024 bertujuan membantu pertubuhan-pertubuhan belia yang berdaftar untuk menganjurkan program pembangunan belia;
- (ii) Peruntukan MMK Belia dan Pembangunan Belia (Mahasiswa) berjumlah RM203,750.00 terus disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2025;
- (iii) Peruntukan Jawatankuasa Belia Pulau Pinang berjumlah RM1.35 juta setahun; dan
- (iv) Peruntukan SKIM INSENTIF BEST! ANAK PENANG – Skim Insentif Kecemerlangan Bakat Muda Pulau Pinang (SIKBMPP) berjumlah RM500,000.00 telah diperuntukkan bagi tempoh lima (5) tahun untuk pemberian insentif kepada belia-belia yang berjaya di dalam kejohanan yang dipertandingkan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

21. Nyatakan jumlah peruntukan tahunan YIPP bagi pengurusan KAFA Menengah dari tahun 2022 hingga 2025.
- (a) Nyatakan perincian penggunaan bajet KAFA Menengah mengikut daerah dan komponen utama.
 - (b) Nyatakan kos per kapita setiap pelajar dan purata per pusat bagi setiap tahun.
 - (c) Nyatakan status audit kewangan dan audit prestasi bagi KAFA Menengah.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Jumlah peruntukan tahunan Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) bagi pengurusan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) Menengah dari tahun 2022 hingga 2025 adalah seperti berikut:

TAHUN	GERAN ZAKAT MAINPP (RM)	GERAN KERAJAAN NEGERI (RM)	JUMLAH (RM)
2022	372,161.80	500,000.00	872,161.80
2023	677,084.80	500,000.00	1,177,084.80
2024	784,802.00	-	784,802.00
2025	804,722.00	-	804,722.00
JUMLAH			3,638,770.60

- (a) Perincian penggunaan bajet KAFA Menengah mengikut daerah dan komponen utama seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Perincian kos per kapita setiap pelajar dan purata per pusat bagi setiap tahun seperti di **LAMPIRAN B**.
- (c) Status Audit Kewangan: Kewangan YIPP sentiasa diaudit oleh juruaudit luar yang dilantik setiap tahun bagi memastikan ketelusan dan pematuhan kepada piawaian perakaunan semasa.

Status Audit Prestasi: Audit prestasi dilaksanakan melalui pemantauan dan penilaian dalaman. YIPP mengemas kini laporan prestasi program setiap tahun kepada Lembaga Pengarah YIPP bagi tujuan semakan, penambahbaikan dan kelulusan tindakan lanjut.

LAMPIRAN A**(a) Emolumen, Operasi dan Program****Tahun 2022**

DAERAH	EMOLUMEN	OPERASI	PROGRAM
Barat Daya	RM 41,382.50	RM 157,208.02	RM 14,384.00
Timur Laut	RM 39,775.20		-
Seberang Perai Utara	RM 83,868.65		-
Seberang Perai Tengah	RM 39,775.20		RM 34,419.40
Seberang Perai Selatan	RM 49,719.00		-
Lumpsum / Luar Kawasan			RM 17,580.00

Tahun 2023

DAERAH	EMOLUMEN	OPERASI	PROGRAM
Barat Daya	RM 67,282.80	RM 196,917.95	RM 21,204.00
Timur Laut	RM 66,935.10		-
Seberang Perai Utara	RM 139,732.50		RM 3,131.60
Seberang Perai Tengah	RM 65,834.15		RM 81,027.70
Seberang Perai Selatan	RM 67,282.80		-
Lumpsum / Luar Kawasan	-		RM 4,7701.5

Tahun 2024

DAERAH	EMOLUMEN	OPERASI	PROGRAM
Barat Daya	RM 67,832.80	RM 157,007.05	-
Timur Laut	RM 77,827.55		RM 500.00
Seberang Perai Utara	RM 133,049.65		-
Seberang Perai Tengah	RM 75,107.95		RM 68,633.58
Seberang Perai Selatan	RM 67,432.80		RM 17,990.00
Lumpsum / Luar Kawasan	-		RM 28,708.40

Tahun 2025 (Sehingga September 2025)

DAERAH	EMOLUMEN	OPERASI	PROGRAM
Barat Daya	RM 46,665.22	RM 129,241.85	RM 54,852.90
Timur Laut	RM 47,617.10		-
Seberang Perai Utara	RM 99,824.20		RM 7,550.00
Seberang Perai Tengah	RM 61,729.15		RM 8,133.00
Seberang Perai Selatan	RM 52,083.06		-
Lumpsum / Luar Kawasan	-		RM 14,250.00

LAMPIRAN B

(b) Per Kapita dan Per Pusat:

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN DITERIMA(RM)
2022	872,161.80
2023	1,177,084.80
2024	784, 802.00
2025	804,722.00

TAHUN	JUMLAH PELAJAR
2022	303 Orang
2023	577 Orang
2024	479 Orang
2025	346 Orang

TAHUN	JUMLAH PUSAT
2022	11 Pusat
2023	13 Pusat
2024	13 Pusat
2025	13 Pusat

1. Per Kapita Setahun Seorang

$$\frac{\text{Jumlah Peruntukan}}{\text{Jumlah Pelajar}} = \text{Per Kapita Setahun}$$

TAHUN	PER KAPITA SETAHUN
2022	RM 2,878.42
2023	RM 2,040.01
2024	RM 1,638.42
2025	RM 2,325.79

2. Purata Per Pusat Setahun

$$\frac{\text{Jumlah Peruntukan Setahun}}{\text{Jumlah Pusat}} = \text{Purata Per Pusat Setahun}$$

TAHUN	PURATA PER PUSAT SETAHUN (RM)
2022	79,287.44
2023	90,544.98
2024	60,369.38
2025	61,901.69

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

22. Apakah bantuan terkini dari sudut kewangan dan insentif khusus oleh kerajaan untuk pesawah di kawasan jerlus?
- (a) Sejauh manakah kerajaan menyediakan pam kepada pesawah agar air dapat dipam keluar apabila hujan?
 - (b) Apakah perlindungan risiko tanaman yang ditawarkan kepada pesawah terjejas?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan bantuan kewangan, insentif, dan pembangunan infrastruktur bagi menangani isu tanah jerlus di kawasan jelapang padi di Negeri Pulau Pinang. Pelbagai usaha dan bantuan melalui peruntukan pembangunan negeri telah disalurkan dari tahun 2022 hingga 2025 bagi mengurangkan masalah jerlus, meningkatkan hasil, dan menstabilkan pendapatan pesawah. Senarai peruntukan dan insentif untuk tanaman padi dan pesawah Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2022 hingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu pesawah menguruskan sumber air secara berkesan khususnya bagi menghadapi situasi hujan lebat serta musim kemarau.

Bagi aspek pengaliran air keluar semasa musim hujan, Kerajaan Negeri telah memberi tumpuan kepada penambahbaikan dan penyelenggaraan sistem saluran sawah padi. Sistem saluran yang lebih efisien membolehkan air hujan dialirkan keluar dengan cepat daripada petak sawah sekali gus mengurangkan risiko tanah mendap dan jerlus.

Bagi kawasan sawah yang dikenal pasti mengalami masalah tanah jerlus, kerja-kerja penyelenggaraan dan pembinaan parit jejari serta parit ladang telah dilaksanakan bagi mempercepatkan aliran keluar air. Senarai projek yang telah dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang adalah seperti yang berikut:-

- (i) Penyelenggaraan saluran sepanjang 2,400 meter dengan kos yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM12,000.00 serta 20,000 meter dengan kos yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak RM120,000.00 di Daerah Seberang Perai Utara (SPU).
- (ii) Penyelenggaraan saluran sepanjang 2,000 meter dengan kos yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM10,000.00 di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS); dan
- (iii) Penyelenggaraan saluran sepanjang 2,200 meter dengan kos yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM14,600.00 di Daerah Barat Daya (DBD).

Selain itu, pembinaan parit jejari berukuran 9 meter × 0.6 meter × 0.3 meter juga dibuat bagi mempertingkatkan kecekapan pengaliran air keluar dari petak sawah. Selain pengurusan air semasa hujan, perhatian turut diberikan terhadap bekalan air semasa musim kemarau. Bagi tujuan ini, sebanyak 40 unit pam air diesel telah disediakan untuk digunakan oleh pesawah di seluruh Negeri Pulau Pinang. Pam-pam ini digunakan bagi mengepam air masuk ke petak sawah untuk mengekalkan kelembapan tanah dan memastikan pertumbuhan padi tidak terjejas akibat kekurangan air.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri telah menyediakan satu mekanisme pengurusan air dua (2) hala yang menyeluruh seperti berikut:-

- (i) Aliran keluar air semasa hujan melalui sistem saliran yang dipertingkat termasuk pembinaan dan penyelenggaraan parit jejari serta parit ladang di kawasan berisiko jerlus; dan
 - (ii) Aliran masuk air semasa kemarau melalui penyediaan pam air diesel bagi menjamin bekalan air mencukupi untuk tanaman padi.
- (b) Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan telah menyediakan pelbagai bentuk perlindungan risiko tanaman bagi pesawah yang terjejas akibat bencana alam, serangan perosak atau penyakit tanaman. Salah satu inisiatif utama ialah Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) yang diperkenalkan melalui Agrobank. Skim ini menawarkan perlindungan kewangan sehingga RM3,000.00 bagi setiap hektar dengan kadar perlindungan yang berbeza mengikut fasa pertumbuhan padi seperti berikut:-
- (i) Fasa vegetatif (sehingga 30 hari selepas penanaman) dengan perlindungan yang diberi adalah sebanyak 50% iaitu RM1,500.00 bagi setiap hektar;
 - (ii) Fasa reproduktif (31 hingga 60 hari selepas penanaman) dengan perlindungan yang diberi adalah sebanyak 75% iaitu RM2,250.00 bagi setiap hektar; dan
 - (iii) Fasa masak (61 hari selepas penanaman sehingga menuai) dengan perlindungan yang diberi adalah sebanyak 100%, iaitu RM3,000.00 bagi setiap hektar.

Selain itu, skim ini turut menyediakan perlindungan tambahan sehingga RM1,500.00 bagi setiap hektar untuk kerosakan akibat serangan perosak dan penyakit tanaman. Caruman skim ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan dan ia terbuka kepada semua pesawah yang berdaftar di bawah Skim Baja Kerajaan Persekutuan dan memiliki akaun dengan Agrobank.

Selain STTP, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) turut menyediakan Tabung Bantuan Bencana Tanaman Padi bagi pesawah yang mengalami kerugian akibat bencana alam seperti banjir, rebut atau kemarau. Tabung ini menyediakan faedah seperti yang berikut:-

- (i) Pampasan kewangan yang segera kepada pesawah untuk menampung kerugian tanaman akibat bencana serta membantu pesawah untuk kembali menanam padi tanpa mengalami kesulitan kewangan yang serius;
- (ii) Sokongan teknikal dan nasihat daripada pegawai pertanian termasuk panduan pemulihan tanah dan tanaman serta langkah-langkah pencegahan untuk menghadapi bencana akan datang;
- (iii) Proses permohonan yang mudah dan cepat bagi memastikan bantuan dapat disalurkan dengan segera kepada pesawah yang memerlukan; dan
- (iv) Skop bantuan meliputi pesawah yang kehilangan sebahagian atau keseluruhan hasil padi akibat bencana dengan keutamaan diberikan kepada kawasan yang terjejas teruk.

Keseluruhannya, inisiatif kerajaan melalui Skim Takaful Tanaman Padi dan Tabung Bantuan Bencana Tanaman Padi menunjukkan komitmen yang jelas dalam memastikan kesejahteraan pesawah, mengurangkan risiko kerugian dan mengekalkan kestabilan pengeluaran padi negara walaupun menghadapi risiko bencana alam atau serangan perosak.

LAMPIRAN A**SENARAI PERUNTUKAN DAN INSENTIF UNTUK TANAMAN PADI
DAN PESAWAH NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2022
HINGGA 2025**

TAHUN	PROGRAM	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
2022	i. Pembangunan asas sektor padi termasuk penambahbaikan tapak sawah dan sistem pengairan awal.	350,000.00
2023	i. Pembangunan asas sektor padi termasuk penambahbaikan tapak sawah dan sistem pengairan awal; dan ii. Peruntukan khas kawalan keladi agas bagi mengawal rumpai yang memburukkan keadaan tanah sawah.	990,000.00
2024	i. Pembangunan asas sektor padi termasuk penambahbaikan tapak sawah dan sistem pengairan awal; dan ii. Program peningkatan hasil dan pengukuhan struktur tanah sawah.	500,000.00
2025	i. Perataan tanah sawah, pembaikan sistem saliran dan pembinaan parit jejari untuk menyalurkan air mendapan di kawasan jerlus bagi tanah sawah aktif berkeluasan 11,858 hektar dengan manfaat kepada 5,057 orang pesawah.	450,000.00
JUMLAH		2,290,000.00

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

23. Apakah status terkini kluster influenza di Pulau Pinang?
- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menyelaraskan tindakan dengan KKM dan JPN susulan lonjakan kluster di institusi pendidikan?
 - (b) Senaraikan protokol dan bilangan penutupan sekolah dan tempoh pemulihan.
 - (c) Apakah strategi vaksinasi influenza untuk kumpulan berisiko di Pulau Pinang?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

23. Bagi tahun 2025, sejumlah 36 kes influenza telah dilaporkan di Negeri Pulau Pinang (sehingga Oktober) dan majoriti kes influenza yang dilaporkan adalah ringan serta pulih sepenuhnya tanpa komplikasi serius. Hanya sebilangan kecil pesakit, terutamanya daripada kumpulan berisiko tinggi seperti kanak-kanak kecil, warga emas dan pesakit penyakit kronik, memerlukan rawatan lanjut di hospital.
- (a) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) melalui Pejabat Kesihatan Daerah telah mengadakan "*Townhall Meeting*" bersama institusi-institusi pendidikan bagi mengekang penularan penyakit berjangkit termasuk influenza, melalui langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Guru perlu menasihati pelajar yang bergejala supaya tidak memasuki kelas dan segera mendapatkan rawatan;
- (ii) Guru disarankan untuk memperkukuhkan pendidikan kesihatan bagi menggalakkan kawalan sendiri dan tanggungjawab bersama;
- (iii) Pihak sekolah disaran membuat pelaporan awal kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berdekatan agar tindakan pencegahan dan kawalan dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan;
- (iv) Ibu bapa perlu memastikan anak di bawah tanggungan masing-masing tidak mempunyai gejala influenza seperti demam, selesema dan batuk sebelum menghantar anak ke sekolah; dan
- (v) Ibu bapa dinasihatkan memantau keadaan anak yang mempunyai gejala influenza. Sekiranya gejala bertambah teruk, pelajar tersebut perlu mendapatkan rawatan ulangan dengan segera bagi mencegah berlakunya komplikasi.

Selari dengan **Pemakluman Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan *Influenza-Like Illness* di Institut Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia** bertarikh **30 Jun 2022**, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah mengeluarkan surat kepada semua sekolah bertarikh 6 Oktober 2025 berhubung penularan jangkitan influenza di institusi pendidikan.

Surat kedua pula telah dikeluarkan pada 10 Oktober 2025 berkaitan kenyataan media berhubung penularan influenza di Institusi Pendidikan dengan menjelaskan langkah-langkah bagi mengekang penularan influenza.

- (b) Tindakan penutupan premis dan institusi pendidikan termasuk sekolah akibat jangkitan influenza tidak boleh dilaksanakan di bawah Seksyen 18, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Ini adalah kerana jangkitan influenza tidak memenuhi tafsiran penyakit berjangkit di bawah Seksyen 2 Akta yang sama.

Walau bagaimanapun, pendekatan kawalan dan cadangan penutupan sekolah masih boleh dijalankan melalui perbincangan dan kerjasama dengan pihak sekolah dan Pejabat Kesihatan Daerah. Penutupan sekolah merupakan pilihan terakhir dan hanya akan dilaksanakan setelah penilaian risiko terperinci menunjukkan justifikasi yang kukuh.

- (c) Program Imunisasi Influenza Kebangsaan 2025 telah dimulakan pada 18 Februari 2025. Program ini bertujuan untuk melindungi lebih ramai populasi berisiko tinggi daripada komplikasi serius akibat jangkitan influenza yang boleh menyebabkan kemasukan ke hospital atau kematian.

Program ini menyasarkan 320,000 warga emas bagi vaksinasi influenza namun seramai 170,000 warga emas yang mempunyai sekurang-kurangnya lebih daripada satu penyakit akan menerima vaksin influenza secara percuma di fasiliti kesihatan KKM. Pemberian vaksin influenza ini boleh didapati dengan beberapa cara iaitu seperti:

- (i) Temu janji melalui MySejahtera;
- (ii) *Walk-in* secara terus ke Klinik Kesihatan; dan
- (iii) Jangkauan luar (*outreach*) ke pusat jagaan warga emas atau komuniti berisiko tinggi dengan kerjasama NGO.

Sehingga 16 Oktober 2025, JKN Pulau Pinang telah menghabiskan keseluruhan 10,000 dos peruntukkan vaksin influenza kepada warga emas yang layak. Sebarang cadangan perluasan program vaksin influenza di Malaysia akan dinilai dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Dasar Imunisasi Kebangsaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

24. Apakah harga runcit semasa antiviral influenza di Pulau Pinang dan variasinya antara hospital, klinik swasta dan farmasi?
- (a) Bagaimanakah kerajaan memastikan antiviral tersedia pada kos mampu milik di fasiliti awam negeri?
- (b) Apakah strategi perolehan pukal negeri bagi menurunkan kos antiviral semasa musim puncak?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

24. Harga runcit semasa antiviral influenza di Pulau Pinang dan variasinya antara hospital, klinik swasta dan farmasi bagi tahun 2025 adalah seperti berikut:

Lokasi	Jenis Ubat	Harga (RM)
Farmasi Komuniti	Oseltamivir 75mg kapsul	RM95.00 sehingga RM165.00
	Oseltamivir 60mg/5ml <i>Oral Suspension</i>	RM140.00
Klinik Swasta	Oseltamivir 75mg kapsul	RM70.00 sehingga RM100.00
Hospital Kerajaan	Oseltamivir 75mg kapsul	RM87.50 sehingga RM167.00

- (a) Perolehan antiviral Influenza di fasiliti kesihatan awam seperti Hospital Kerajaan dan Klinik Kesihatan adalah melalui Konsesi Perkhidmatan Logistik Bekalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu melalui Syarikat Pharmaniaga Logistic Sdn. Bhd. Harga bagi antiviral influenza adalah tetap sepanjang tempoh konsensi syarikat bersama KKM.

Walaupun bagaimanapun, kos rawatan pesakit adalah berdasarkan kepada kadar caj yang telah ditetapkan di fasiliti kesihatan awam mengikut Perintah Fi (Perubatan) 2017 yang berkuat kuasa di mana kos ubat tidak termasuk dalam fi yang dikenakan.

- (b) Disebabkan item adalah di bawah *Approved Products Purchase List* (APPL), Konsesi Logistik bagi sesi 2023-2026, perolehan perlu dibuat melalui Syarikat Pharmaniaga Logistic Sdn. Bhd. mengikut harga yang ditetapkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

25. Nyatakan struktur kadar cukai tanah pertanian yang berkuat kuasa pada 2026.
- (a) Apakah perbezaan kadar antara sawah padi, dusun, getah, sawit, sayur dan ternakan?
 - (b) Apakah penilaian impak sosio-ekonomi yang dilaksanakan sebelum semakan 2026?
 - (c) Penghasilan padi semakin menurun. Bagaimana cukai ini tidak membebankan para pesawah?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

25. Penetapan kadar cukai adalah berdasarkan Kaedah-Kaedah Tanah Pulau Pinang (Pindaan)(No.4) 2025 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.
- (a) Berikut ialah jadual ringkas perbezaan kadar cukai tanah baharu bagi kategori pertanian dan ternakan di negeri Pulau Pinang mulai 1 Januari 2026.

PERBEZAAN KADAR CUKAI KATEGORI PERTANIAN		
BIL.	TANAMAN/AKTIVITI	KADAR BAHARU (RM /HEKTAR)
1.	Getah	75.00
2.	Kelapa sawit	99.00
3.	Buah-buahan (selain durian)	80.00
4.	Tanaman industri (kelapa, kopi, jagung bijian)	60.00
5.	Tanaman kontan (jagung manis, tebu, kacang tanah, ubi kayu, keladi, keledak, kentang, sengkang, labu dan sayuran)	40.00
6.	Tanaman padi (padi, sago/ nipah)	15.00
7.	Ternakan haiwan	Ruminan (250.00) Unggas (500.00) Babi (750.00) Akuakultur (750.00)
8.	Durian	800.00
9.	Lain-lain pertanian	25.00

(b) Berikut adalah penilaian impak sosio-ekonomi yang dilaksanakan sebelum semakan cukai tahun 2026 iaitu:

- (i) Kesan terhadap sektor ekonomi utama
Penilaian melibatkan impak sosio-ekonomi terhadap sektor pertanian, perumahan dan perniagaan kecil.
- (ii) Perbandingan kadar cukai antara negeri-negeri lain
Penilaian bagi memastikan semakan kekal berdaya saing dan munasabah.

- (iii) Analisis kemampuan bayar
Menilai kesan kepada pemilik tanah mengikut kategori penggunaan tanah.
 - (iv) Sesi libat urus bersama pihak berkepentingan
Penilaian oleh PBT dan wakil komuniti bagi mendapatkan maklum balas langsung.
 - (v) Penilaian Langkah Mitigasi
Mencadangkan mekanisme rebat, pengecualian dan kadar minimum bagi melindungi kumpulan B40 dan pesawah kecil.
- (c) Kerajaan Negeri mengambil maklum bahawa hasil pengeluaran padi menunjukkan *trend* penurunan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Sehubungan itu, bagi memastikan kenaikan cukai tanah tidak membebankan para pesawah, penyediaan kadar khas telah dilaksanakan iaitu:
- (i) Tanah yang digunakan bagi tujuan pertanian, khususnya penanaman padi, dikenakan kadar cukai yang lebih rendah berbanding tanah kategori lain seperti perumahan atau perniagaan iaitu kadar cukai bagi kategori pertanian tanaman padi adalah RM15.00 per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar.
